**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN**
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: +603-88849370 (Aras 4)
Faks: +603-88849315
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-15/2/88 Jld.2 ( 77 )
Tarikh : 11 Ogos 2021

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan,

**PENGISIAN DAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT VAKSINASI COVID-19 MURID DALAM APLIKASI PANGKALAN DATA MURID (APDM)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewujudkan menu baharu dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) bagi tujuan pengisian dan pengemaskinian maklumat vaksinasi COVID-19 murid.

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan maklumat vaksinasi COVID-19 murid dalam APDM adalah tepat dan terkini, guru kelas perlu memainkan peranan untuk mengisi dan mengemaskini maklumat vaksinasi COVID-19 murid kelas masing-masing sebaik sahaja murid tersebut telah mendaftar, mendapat vaksinasi pertama dan kedua. Manakala pihak pentadbir sekolah perlu memantau dan memastikan semua guru kelas telah melaksanakan tindakan tersebut.

4. Seterusnya pegawai Unit Hal Ehwal Murid (HEM) yang menyelaras program kesihatan di pejabat pendidikan daerah (PPD) dan jabatan pendidikan negeri (JPN) perlu kunci masuk APDM bagi memantau status pelaksanaan oleh pihak sekolah. Semua proses oleh pihak sekolah, PPD dan JPN boleh dilakukan melalui alamat portal apdm.moe.gov.my dengan menggunakan manual pengguna seperti di **Lampiran A**.

5. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan memerlukan maklumat lanjut berkaitan perkara ini, boleh menghubungi Encik Mohd. Fakarudin bin Hussain di talian 03-88830640 atau e-mel mfakarudin.hussain@moe.gov.my bagi perkara berkaitan pengurusan vaksinasi COVID-19 murid dan Tuan Haji Ahmad Faris bin Johan di talian 03-88849225 atau e-mel faris.johan@moe.gov.my bagi perkara berkaitan teknikal APDM.

…2

6. YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan adalah dimohon untuk memaklumkan tindakan ini kepada pegawai yang berkenaan di JPN dan PPD serta sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan.

Kerjasama dan perhatian dan YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ZAINAL BIN ABAS)**
Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.
1. Ketua Setiausaha
   Kementerian Pendidikan Malaysia

2. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
   Kementerian Pendidikan Malaysia

3. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
   Sektor Operasi Sekolah
   Kementerian Pendidikan Malaysia

4. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Pengurusan Maklumat
   Kementerian Pendidikan Malaysia

5. Pengarah
   Bahagian Pendidikan Latihan Teknikal/Vokasional
   Kementerian Pendidikan Malaysia

…3/

6. Pengarah
   Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
   Kementerian Pendidikan Malaysia

7. Pengarah
   Bahagian Pendidikan Islam
   Kementerian Pendidikan Malaysia

8. Pengarah
   Bahagian Pendidikan Khas
   Kementerian Pendidikan Malaysia

9. Pengarah
   Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
   Kementerian Pendidikan Malaysia

10. Pengarah
    Bahagian Pendidikan Swasta
    Kementerian Pendidikan Malaysia

**LAMPIRAN A**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# MANUAL PENGGUNA PENGISIAN DAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT VAKSINASI COVID-19 MURID

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

*dengan kerjasama*

Bahagian Pengurusan Maklumat

Kementerian Pendidikan Malaysia

1

## TINDAKAN GURU KELAS




1. Log masuk mengunakan **ID dan kata laluan guru kelas**
2. Pilih menu **VAKSINASI**
3. Paparan maklumat **VAKSINASI**
   a) Tandakan **YA** jika telah daftar My Sejahtera dan masukkan no ID My Sejahtera. Tandakan **TIDAK** jika belum atau tidak berdaftar lagi
   b) Tandakan **SETUJU** jika bersetuju terima vaksin dan **TIDAK** jika tidak bersetuju dan pilih sebab
   c) Tandakan **YA** jika telah terima suntikan dan masukkan **TARIKH SUNTIKAN.**
4. Setelah siap, pastikan klik butang **SIMPAN** (JANGAN LUPA)

2

# KAMUS VAKSINASI

| BIL | PERKARA | ITEM | KETERANGAN |
|---|---|---|---|
| 1. | NO. ID MY SEJAHTERA | YA | TANDAKAN '**YA**' JIKA MURID TELAH MEMPUNYAI ID MY SEJAHTERA . SETELAH TANDA 'YA' MASUKKAN NO ID MY SEJAHTERA TERSEBUT. |
| | | TIDAK | TANDAKAN '**TIDAK**' JIKA TIDAK BERDAFTAR ATAU MASIH TIADA ID MY SEJAHTERA. |
| 2. | PENERIMAAN VAKSIN | SETUJU | TANDAKAN '**SETUJU**' JIKA BERSETUJU UNTUK MENERIMA SUNTIKAN VAKSIN |
| | | TIDAK | TANDAKAN '**TIDAK**' JIKA TIDAK BERSETUJU MENERIMA SUNTIKAN DAN NYATAKAN SEBAB TIDAK BERSETUJU (SEBAB-SEBAB TIDAK BERSETUJU ADALAH TERMA YAGN DIGUNAKAN OLEH PIHAK KKM). |
| 3. | SUNTIKAN DOSE 1 | YA | TANDAKAN '**YA**' JIKA TELAH MENERIMA SUNTIKAN DAN NYATAKAN TARIKH SUNTIKAN. |
| | | TIDAK | TANDAKAN '**TIDAK**' JIKA MASIH BELUM MENERIMA SUNTIKAN |
| 4. | SUNTIKAN DOSE 2 | YA | TANDAKAN '**YA**' JIKA TELAH MENERIMA SUNTIKAN DAN NYATAKAN TARIKH SUNTIKAN. |
| | | TIDAK | TANDAKAN '**TIDAK**' JIKA MASIH BELUM MENERIMA SUNTIKAN |

3

# TINDAKAN PENTADBIR SEKOLAH







3

**ANALISIS DATA LAPORAN VAKSINASI**
**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI PUTERI**
**BEA9607**

| # | Tahun/Tingkatan | Nama Kelas | Bilangan Murid | Bilangan Berdaftar (Berdasarkan no ID My Sejahtera) | | | Suntikan Dos 1 | | Suntikan Dos 2 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Ya | Tidak | % Berdaftar | Bil | % | Bil | % |
| 1 | T5 | USAHA | 29 | 4 | 25 | 13.79 | 2 | 6.9 | 0 | 0 |

| Lengkap Dos 1 dan Dos 2 | | Tiada Tindakan | | Sebab 1 | | Sebab 2 | | Sebab 3 | | Sebab 4 | | Sebab 5 | | Sebab 6 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Bil | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % |
| 0 | 0 | 24 | 82.76 | 1 | 3.45 | 0 | 0 | 1 | 3.45 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |

| | |
|---|---|
| 1 | Log masuk mengunakan **ID dan kata laluan admin sekolah** (kod sekolah) |
| 2 | Pilih menu **VAKSINASI** |
| 3 | Paparan maklumat **ANALISIS DATA LAPORAN VAKSINASI** akan dipaparkan |

4

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# TINDAKAN PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH

1 Log Masuk Pengguna

ID Pengguna

Kata Laluan

HANTAR

Lupa Katalaluan

2 Modul

Pelaporan Vaksinasi

Vaksinasi

3 ANALISIS DATA LAPORAN VAKSINASI
SEPANG
B090

| # | Jenis Sekolah | Nama Sekolah | Tahun/Tingkatan | Nama Kelas | Bilangan Murid | Bilangan Berdaftar (Berdasarkan no ID MY Sejahtera) | | | Suntikan Dos 1 | | Suntikan Dos 2 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | Ya | Tidak | % Berdaftar | Bil | % | Bil | % |
| | Sekolah Menengah Berasrama Penuh | SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI PUTERI (BEA9607) | T5 | USAHA | 29 | 4 | 25 | 13.79 | 2 | 6.9 | 0 | 0 |

| Lengkap Dos 1 dan Dos 2 | | Tiada Tindakan | | Sebab 1 | | Sebab 2 | | Sebab 3 | | Sebab 4 | | Sebab 5 | | Sebab 6 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Bil | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % |
| 0 | 0 | 24 | 82.76 | 1 | 3.45 | 0 | 0 | 1 | 3.45 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |

1. Log masuk mengunakan **ID dan kata laluan PPD** (kod PPD)
2. Pilih menu **PELAPORAN VAKSINASI** dan submenu **VAKSINASI**
3. Paparan maklumat **ANALISIS DATA LAPORAN VAKSINASI** akan dipaparkan

5

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# TINDAKAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI

1 Log Masuk Pengguna

ID Pengguna

Kata Laluan

HANTAR

Lupa Katalaluan

2 Modul

Pelaporan Vaksinasi

Vaksinasi

3 ANALISIS DATA LAPORAN VAKSINASI
SELANGOR

| # | PPD | Jenis Sekolah | Nama Sekolah | Tahun/Tingkatan | Nama Kelas | Bilangan Murid | Bilangan Berdaftar (Berdasarkan no ID MY Sejahtera) | | | Suntikan Dos 1 | | Suntikan Dos 2 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | Ya | Tidak | % Berdaftar | Bil | % | Bil | % |
| 1 | B090 | Sekolah Menengah Berasrama Penuh | SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI PUTERI (BEA9607) | T5 | USAHA | 29 | 4 | 25 | 13.79 | 2 | 6.9 | 0 | 0 |

| Lengkap Dos 1 dan Dos 2 | | Tiada Tindakan | | Sebab 1 | | Sebab 2 | | Sebab 3 | | Sebab 4 | | Sebab 5 | | Sebab 6 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Bil | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % |
| 0 | 0 | 24 | 82.76 | 1 | 3.45 | 0 | 0 | 1 | 3.45 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |

1. Log masuk mengunakan **ID dan kata laluan JPN** (kod JPN)
2. Pilih menu **PELAPORAN VAKSINASI** dan submenu **VAKSINASI**
3. Paparan maklumat **ANALISIS DATA LAPORAN VAKSINASI** akan dipaparkan

6

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# TINDAKAN BPSH, KPM

1. Log masuk mengunakan **ID dan kata laluan BPSH**
2. Pilih menu **PELAPORAN VAKSINASI** dan submenu **VAKSINASI**
3. Paparan maklumat **ANALISIS DATA LAPORAN VAKSINASI** akan dipaparkan
   - 3a Buat pilihan **Negeri**
   - 3b Buat pilihan **Daerah**
   - 3c Buat pilihan **Jenis Sekolah**







KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# SEKIAN. TERIMA KASIH

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

*dengan kerjasama*

Bahagian Pengurusan Maklumat

Kementerian Pendidikan Malaysia

E-mel : apdm.team@moe.gov.my

8